

PERJUANGAN RASULULLAH MENEGAKKAN AGAMA ISLAM DISANJUNG TINGGI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada Rancangan Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah tersebut.

>> Muka 1

Kedua-dua komitmen ini, tegas Yang Berhormat, adalah tanda kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berucap demikian, semasa Rancangan Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Ihsan Radio Televisyen Brunei

1443 Hijrah, yang disiarkan di saluran RTB Perdana; RTB Aneka; dan RTB Sukmaindera juga di rangkaian radio Nasional FM; Harmoni FM; dan Nur Islam FM juga RTBGo, di sini.

"Kita mensyukuri rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengangkat dan mengutus Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi nabi dan rasul.

"Kita mensyukuri Allah Subhanahu Wata'ala, sekali gus mengenang jasa dan perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berdakwah dan memperjuangkan Islam untuk kekal menjadi agama anutan manusia sepanjang zaman dan kita adalah sebahagian umatnya," terang Yang Berhormat.

Dengan itu, setiap tahun kita Memperingati Maulud Nabi Muhammad, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Junjungan kita sepanjang zaman itu dengan mengadakan acara-acara sambutan.

Yang Berhormat, seterusnya

menyatakan, adapun yang utama dan paling signifikan, pada setiap tahun sambutan ialah titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Disiarkan ke seluruh negara melalui RTB, pada sebelah malam, menjelang 12 Rabiulawal hari Maulud dan kita dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas perkenan baginda mengurniakan titah perutusan sempena Sambutan Maulud tahun ini.

Kita juga mendoakan supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja baginda sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dengan rahmat sihat juga bahagia.

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam merupakan rangkaian titah-titah baginda yang sentiasa memberi ilham.

"Ia memangkin semangat kita senegara dalam menghayati wawasan kepimpinan baginda, yang meletakkan ugama Islam di hadapan menjadi pedoman, bukan di samping dan pasti bukan di belakang.

"Seterusnya, Maulud juga ditandai dengan acara-acara sambutan di pelbagai peringkat. Dan acara kita, pada hari ini adalah sambutan peringkat negara.

"Kita menganjurkannya secara rakaman atau virtual, yang disiarkan melalui rangkaian radio dan televisyen dan media sosial," ujar Yang Berhormat.

Kesemua ini adalah tanda kita menyambut Maulud dan tanda mengenang juga menghargai jasa bakti dan mensyukuri kenabian juga kerasulan Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Junjungan kita yang kita kasih sepanjang zaman.

Kita mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, terutama sekali mengenangkan sosok kemanusiaannya terserlah dalam sosok kenabian dan kerasulannya, seperti yang

disebutkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala, ayat 128, Surah At-Taubah, yang bertafsir, "Demi sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada golongan kamu sendiri, yang sangat mengambil berat terhadap kesudahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang beriman".

Sedemikian itu, tambah Yang Berhormat, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sosok kemanusiaannya dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala diangkat menjadi nabi dan diutus menjadi rasul, sangat prihatin juga menyantuni orang-orang beriman dengan penuh kasih sayang.

Maka, itulah antara ciri utama kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan itulah antara risalah atau mesej kenabian juga kerasulan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, yang kita ingin kongsikan dengan slogan kata tema sambutan, 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat'.

Rancangan Khas Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443H



TAZKIRAH Khas, disampaikan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Oktober.

Bagi Memperingati dan menyemarakkan lagi Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan; dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga disokong oleh Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana Menteri

menyiarkan Rancangan Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah, yang disiarkan di saluran RTB Perdana; RTB Aneka; dan RTB Sukmaindera juga di rangkaian radio Nasional FM; Harmoni FM; dan Nur Islam FM juga RTBGo.

Acara dimulakan dengan Persembahan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, dibawakan oleh Johan Musabaqah Tilawatil Al-Quran Belia Kebangsaan Tahun 1442H / 2021M, Awang Afiq Haririe bin Haji Md. Daud.

Seterusnya, diikuti dengan Ucapan Khas oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1443H.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban, dibawakan oleh gabungan wakil dari KHEU, KKBS dan Kementerian Pendidikan.

Acara kemuncak majlis ialah Tazkirah Khas, disampaikan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, yang diharap dapat mendorong kita untuk mengamalkan sunah-sunah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dalam melakukan apa jua perkara, dalam kehidupan seharian.

Majlis juga diserikan dengan bacaan selawat-selawat, dibawakan oleh Kumpulan An-Nida dan belia-belia daripada Program Keugamaan Belia, di bawah KHEU, iaitu Belia Da'ie, Belia Muallaf juga Belia Masjid.

Acara juga diselang-selikan dengan Persembahan Puisi, dibawakan oleh para mahasiswa dari UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) juga Belia Da'ie.

'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat' adalah tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443H.

Terdahulu, sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan bagi menandakan dan meraikan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah.

Pelepasan tembakan meriam mengambil tempat di Jalan Pretty, di ibu negara, yang dilaksanakan oleh para Anggota Polis Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Sementara itu, KHEU melalui Pusat Da'wah Islamiah dengan sokongan RTB akan menyiarkan acara iringan, iaitu Forum Perdana sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1443 Hijrah, yang akan disiarkan di Saluran RTB, pada Khamis malam Jumaat, 15 Rabiulawal 1443H bersamaan 21 Oktober 2021M, mulai jam 9.00 malam.

Suasana Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, pada tahun ini agak sedikit berbeza tanpa mengadakan



ANTARA persembahan pada Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah berkenaan (atas sekali dan atas), sementara gambar bawah kiri, sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan bagi menandakan dan meraikan sambutan tersebut.

perhimpunan sebagaimana lazim kerana pada ketika ini, negara kita diuji dengan penularan pandemik wabak COVID-19.

Sesungguhnya hidup kita ini tidak akan terlepas dengan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Segala hal yang kita lakukan dan semua perkara yang berlaku adalah atas kekuasaan dan kehendak-Nya jua.

Oleh yang demikian, sebagai hamba-Nya yang taat, kita seharusnya berserah diri sepenuhnya kepada Yang Maha Pencipta dan memohon

kepada-Nya agar diri, keluarga juga seluruh rakyat dan masyarakat, di negara ini, sentiasa dalam inayah dan perlindungan-Nya jua daripada segala perkara-perkara yang tidak diinginkan terjadi.

Di samping kita berdoa, bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini, marilah kita sama-sama memperbanyakkan selawat juga salam ke atas Baginda dan semoga kita semua akan mendapat syafaat Baginda, di hari pembalasan nanti, insyaaAllah.

